

NAMA :

TINGKATAN :

PENDIDIKAN KESIHATAN :

UNIT 1 : 6.0 (PENYAKIT), 7.0 (KESELAMATAN)

1. Tuliskan jawapan **BETUL** pada pernyataan yang benar dan **SALAH** pada pernyataan yang tidak benar berkaitan **HIV** dan **AIDS**.

	Pernyataan berkaitan HIV/AIDS	BETUL atau SALAH
1.	HIV merupakan sejenis penyakit jangkitan virus.	
2.	Jangkitan virus HIV merosakkan sistem pertahanan badan.	
3.	Seseorang boleh dijangkiti HIV melalui pemindahan darah yang tercemar dengan virus HIV.	
4.	HIV hanya boleh berjangkit dengan mengadakan hubungan seks tanpa perlindungan sahaja.	
5.	Seseorang individu yang dijangkiti HIV akan terdedah kepada semua jenis kuman termasuk yang tidak membahayakan.	
6.	Setelah dijangkiti HIV, seseorang akan menunjukkan simptom atau gejala dalam masa 24jam.	
7.	Virus AIDS boleh berjangkit melalui sentuhan luaran dengan pesakit yang mengidap AIDS seperti sentuhan tangan.	
8.	Seseorang itu boleh menjadi pembawa virus HIV bertahun-tahun sebelum mendapat AIDS.	
9.	Bayi dalam kandungan dan bayi yang menyusu boleh dijangkiti daripada ibu yang HIV positif.	
10.	HIV dan AIDS mempunyai vaksin dan pesakit akan sembuh dalam masa rawatan tertentu.	

2. Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang betul. (Rujuk buku teks muka surat 170-174).

- a) AIDS ialah penyakit yang akan _____ keupayaan semula jadi badan dalam melawan penyakit.
- b) HIV akan membunuh _____ Pembantu-T yang penting dalam sistem imunisasi tubuh manusia.
- c) Seseorang yang dijangkiti HIV ini tidak menunjukkan sebarang simptom atau _____ untuk bertahun-tahun.
- d) Antara punca seseorang itu boleh dijangkiti HIV ialah penggunaan peralatan pembedahan yang _____.
- e) Pada peringkat awal dijangkiti virus HIV, pesakit mungkin berasa seperti diserang _____.
- f) Proses _____ ialah proses perubahan daripada HIV negatif kepada HIV positif.
- g) Jangkitan _____ adalah peringkat yang mana pesakit menunjukkan simptom jangkitan seperti jangkitan radang paru-paru.
- h) Antara kaedah pencegahan jangkitan HIV dan AIDS ialah sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga apabila berhadapan dengan situasi yang melibatkan pemindahan darah dan _____.
- i) Beberapa contoh situasi yang mendedahkan diri kepada jangkitan HIV dan AIDS ialah seperti berkongsi peralatan _____ seperti berus gigi dan pisau cukur.
- j) Kesan jangkitan HIV dan AIDS kepada aspek mental dan emosi ialah _____ dan sekatan dalam pekerjaan bagi individu-individu ini.

TAJUK 7.0 : KESELAMATAN

Arahan : Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang betul.



1. Eksplotasi boleh didefinisikan sebagai perbuatan mengambil _____ untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan secara tidak adil.
2. Ibu bapa yang memaksa anak mereka berkahwin dengan individu-individu tertentu.
_____.
3. Pihak-pihak tertentu menggunakan kanak-kanak untuk mempertahankan dan menyebarkan ideologi terpesong mereka. _____.
4. Seseorang yang menjadi keldai dadah, mengemis, penyeluk saku, meragut beg dan penjualan barang-barang tiruan. _____.
5. Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dipaksa untuk bekerja. _____.
6. Penipuan, paksaan atau memujuk seseorang untuk terlibat dalam sesuatu perlakuan seksual. _____.
7. Orang dewasa yang mengambil kesempatan untuk memenuhi kehendak nafsu seksualnya ke atas individu-individu di bawah umur. _____.